

## MENINGKATKAN PERPADUAN DALAM KALANGAN PELAJAR MELALUI MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN (PSK)

**Halimah Harun dan Zahara Aziz**

### ABSTRACT

*Unity among various ethnic in a country is the most important agenda in order to build the nation to live peacefully and harmony. If there is no unity among them, it is difficult to achieve our gold and therefore we cannot live in harmony. Education plays an important role to achieve unity in our country. Therefore this paper discussed on the effectiveness of module and teaching and learning method by using activity-based in teaching PSK (Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan). Both quantitative and qualitative methods were used to get the data in this research using Questionnaire, interview, field notes and observation. A total of 157 students and five teachers involved in this study which were conducted in Kuala Lumpur, Malaysia.*

### PENGENALAN

Perpaduan merujuk kepada satu keadaan di mana rakyat pelbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah, hidup dengan aman sebagai satu bangsa yang bersatu padu dengan memberi komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara (Mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara 1992). Perpaduan boleh dicapai melalui integrasi dan asimilasi (Mahli 1988). Perpaduan kaum di Malaysia amatlah perlu kerana Negara ini merupakan sebuah negara yang unik yang mana rakyatnya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, yang mengamalkan agama, kebudayaan dan bahasanya sendiri (Mardiana & Hasnah 2000). Terdapat 3 etnik terbesar di dalam populasi Malaysia iaitu orang Melayu, Cina dan India. Selain itu terdapat juga etnik Serani, Orang Asli (Semenanjung), Bajau, Kadazan, Murut (Sabah), Kedayan, Melanau dan Iban (Sarawak). Dari segi agama, masyarakat Malaysia menganut agama Islam, Hindu, Kristian, Buddha, Animisme, Konfucius dan Taois. Bancian pada Disember 2006 menyaksikan penduduk Malaysia berjumlah 26,920,000 dengan nisbah penduduk iaitu etnik Melayu seramai 54%, etnik Cina seramai 26%, etnik India 7% dan etnik lain-lain seramai 13%. Dengan itu tidak hairanlah bahawa kepelbagaian etnik di Malaysia menjadikannya sebagai model masyarakat majmuk kepada masyarakat lain.

Berdasarkan data-data yang diperolehi dari Jabatan Perpaduan, perkembangan tentang hubungan etnik ini boleh dibaca dengan dua cara. Satu, kita tidak perlu bimbang dengan isu etnik kerana ianya bukan isu utama yang menimbulkan konflik di negara ini. Kedua, kita harus meneruskan usaha memperbaiki hubungan etnik kerana majoriti insiden konflik sosial yang berlaku melibatkan pihak dari kumpulan etnik yang berbeza seperti mana yang berlaku di Kampung Rawa pada 27 Mac 1997 dan Kampung Medan pada 4-8 Mac 2001 (Gan 2003).

Beberapa kajian telah dilakukan untuk melihat tahap perkembangan hubungan etnik di dalam sistem pendidikan negara. Kajian Morsin (1991) di UKM mendapati sikap ingin berkompromi yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 4 bukan Melayu dikatakan belum benar-benar jujur kerana masih bertindak untuk kepentingan diri sendiri, kurang memberikan kerjasama di dalam membuat kerja lapangan dan menyembunyikan buku-buku di perpustakaan.

Sistem pendidikan yang ada di sesebuah negara boleh menjadi salah satu cara memupuk integrasi dan mewujudkan perpaduan di antara etnik. Sebagaimana yang kita tahu sekolah ialah sebuah organisasi berbentuk pendidikan yang mana kebanyakannya semua kaum atau etnik berada dalam satu bumbung yang sama. Dari situlah pelbagai kaum atau etnik dapat mempelajari nilai-nilai murni sesuatu kaum dan

seterusnya menghayati proses sosialisasi secara mudah. Dengan cara tersebut bolehlah mereka mewujudkan perpaduan sebagaimana yang diharapkan oleh sekolah, masyarakat dan bangsa.

Pelbagai dasar dan program telah dijalankan oleh kerajaan dalam mengurangkan polarisasi kaum khususnya dalam pendidikan. Namun ia sukar untuk mengurangkannya kerana terdapat pelbagai masalah yang dihadapi seperti masalah bahasa, kurang penglibatan dalam persatuan dan kelab yang dianggotai oleh pelbagai etnik, tidak mempunyai masa untuk bersosial. Ini berikutan pelajar-pelajar Melayu lebih tertumpu di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah agama, dan pelajar-pelajar Cina pula lebih tertumpu di sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Situasi ini telah menjauhkan atau menjarakkan hubungan antara kaum dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Namun tidak dapat dielakkan juga jarak hubungan kaum berlaku dalam P & P dalam bilik darjah. Dilihat pelajar hanya berhubung dan berbincang dengan kaum masing-masing seperti mereka tidak mahu bercampur-gaul dengan pelajar yang berbeza. Didapati juga pelajar-pelajar kurang berkomunikasi, kurang berinteraksi, kurang persefahaman dengan rakan-rakan daripada kumpulan etnik yang lain dalam pembelajaran di bilik darjah. Ini kemungkinan disebabkan oleh prejudis dan stereotaip negatif kaum atau orang lain, ketaksuban pada identiti kaum masing-masing

Berdasarkan kepada pelbagai masalah yang dinyatakan di atas, usaha-usaha yang gigih harus diambil untuk mengatasi segala bentuk pengasingan dan pemisahan. Perubahan boleh dilakukan khususnya dalam P & P dalam bilik darjah. Tambahan pula interaksi dan persefahaman antara kaum perlu dipupuk jauh lebih awal. Hal ini dapat dilakukan dengan menitikberatkan modul P & P yang menekankan aktiviti kumpulan dalam merapatkan jarak sosial (interaksi, toleransi, komunikasi, kerjasama) di antara pelajar yang pelbagai. Melaluinya pelajar-pelajar yang berlainan etnik didedahkan kepada nilai-nilai bersama seperti perasaan kasih sayang, hormat menghormati, saling bantu membantu, berbudi bahasa, cintakan keamanan, bencikan kekejaman, jujur, bertanggungjawab dan sebagainya. Dengan demikian, modul yang sedia ada diperbaiki dan diharapkan berkemampuan untuk memupuk pelajar mudah bergaul, hormat-menghormati, berinteraksi, mempunyai hubungan yang positif dengan pelajar lain dan berkongsi pendapat secara ilmiah bagi menggalakkan pertukaran dan perkongsian pengetahuan dan amalan yang berbeza dengan kaum lain serta menggalakkan pelajar-pelajar supaya boleh berfikir dan berani mengeluarkan pendapat.

## TUJUAN KAJIAN

Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian penyelidik mendapati tahap perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah dan universiti amatlah membimbangkan. Didapati pelajar-pelajar tidak bergaul dengan rakan-rakan daripada pelbagai bangsa sama ada semasa makan di kantin, kafe dan lebih selesa duduk dengan rakan sebanga didalam kelas atau bilik kuliah. Begitu juga apabila diminta membuat kumpulan kecil semasa aktiviti P&P, kecendrungan pelajar untuk memilih ahli kumpulan yang terdiri daripada rakan masing-masing yang dikenali rapat sahaja. Amat sukar bagi mereka secara sukarela memilih ahli daripada rakan dari bangsa dan jantina yang berlainan.

Oleh yang demikian kajian mengenai perpaduan penting dan perlu dijalankan untuk meningkatkan interaksi dan persefahaman dalam kalangan pelajar. Justeru kajian ini bertujuan untuk melaksanakan sebuah modul pembelajaran berasaskan pembelajaran koperatif bagi meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar. Pembelajaran koperatif dibangunkan menggunakan modul/ isi kandungan/huraian sukatan mata pelajaran PSK Tingkatan 4. Semasa mengikuti pembelajaran koperatif, pelajar dibahagikan mengikut kumpulan untuk bekerjasama, bertolak ansur, berinteraksi sesama mereka bagi suatu tajuk berkaitan PSK dan seterusnya akan berbincang secara kolaborasi di antara pelajar untuk penambahbaikan aktiviti. Hasil perbincangan dibentangkan di dalam kelas bagi menunjukkan hasil yang telah dilakukan bersama ahli-ahli kumpulan. Melalui pendekatan ini, pelajar boleh bergaul secara meluas antara mereka, mereka juga boleh memahami budaya etnik atau kaum lain. Jika ini dapat dipraktikkan masalah hubungan antara etnik yang lambat dapat diatasi dengan sendirinya melalui pergaulan antara pelajar dan saling faham-

memahami. Hal ini dapat mengurangi prejudis antara kaum kerana ada interaksi antara kaum yang lebih kerap dan yang lebih bermakna.

### OBJEKTIF KAJIAN

Beberapa objektif kajian telah dikenalpasti, antaranya adalah: Mengenal pasti tahap perpaduan dalam kalangan pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan di Kuala Lumpur. Mengenal pasti amalan dan tahap perpaduan pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan di Kuala Lumpur. Mengenalpasti sejauhmana modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dapat meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan di Kuala Lumpur.

Bagi menjawab persoalan kajian pertama dan kedua pengkaji menggunakan kaedah soal selidik. Responden yang menjawab persoalan ini terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 di sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Persoalan kajian ketiga dilaksanakan melalui pemerhatian dan temu bual. Pemerhatian dibuat ke atas tingkah laku guru dan murid dengan membuat penilaian terhadap keberkesanan modul yang dijalankan. Manakala temu bual dijalankan terhadap pelajar yang telah mengikuti modul yang dipilih secara rawak bertujuan bagi menjawab soalan-soalan berkaitan modul PSK yang digunakan.

### METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan keadah bercampur (mixed method) yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan juga kualitatif. Data kuantitatif diperolehi melalui soalselidik dan ujian manakala tembual berstruktur, pemerhatian dalam kelas serta nota lapangan dilakukan untuk mendapatkan data kualitatif. Soalselidik digunakan untuk mengenalpasti persepsi dan amalan pelajar terhadap perpaduan dalam bilik darjah. Soalselidik telah ditadbir dua kali iaitu pada sebelum dan selepas intervensi dilakukan selama 8 minggu.

Dapatan kajian kualitatif melalui temu bual berstruktur mengenai respons guru dan pelajar terhadap modul PSK yang telah dilaksanakan di sekolah. Dapatan kualitatif dapat dinilai melalui tingkah laku nyata atau tersurat dan melalui percakapan seperti intonasi suara (Rahim 1987). Temu bual yang dijalankan menggunakan soalan berstruktur yang mana soalan telah disediakan oleh penyelidik untuk pelajar dengan memberi penekanan aspek mengenai pelaksanaan modul, cadangan terhadap mata pelajaran, aktiviti dan pengajaran guru PSK yang dilakukan terhadap pelajar dan guru setelah selesai pengajaran dan pembelajaran modul selama 8 minggu. Tujuan temu bual ini dilakukan selepas untuk melihat reaksi dan pandangan mereka tentang keberkesanan modul koperatif yang dijalankan dalam meningkatkan hubungan pelbagai kaum. Pemerhatian dalam kelas telah dijalankan selama 4 kali untuk mengenalpasti pelaksanaan modul dan keberkesanannya dalam meningkatkan hubungan kaum melalui aktiviti yang dijalankan dalam P&P.

### *Sampel Kajian*

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar dan guru PSK yang terpilih di sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah dipilih oleh pegawai dari JPNWPK. Seramai 5 orang guru yang telah dipilih oleh JPNWPK untuk menghadiri bengkel dan seminar yang dianjurkan oleh ahli jawatankuasa penyelidik GUP yang telah dilakukan di Hotel Allson Klana, Seremban pada 26-28 Januari 2010. Perbincangan meliputi tentang tumpuan, objektif, dan kajian yang dilakukan penyelidik. Di samping itu bengkel diadakan untuk guru-guru tersebut membina modul PSK berdasarkan sukatan pelajaran PSK Tingkatan 4 dan melaksanakannya selepas modul dihasilkan selepas bengkel. Guru diberi taklimat tentang metodologi kajian, yang mana soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan gambaran tentang perpaduan dan hubungan etnik dalam kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 4 di 5 buah sekolah tersebut.

## DAPATAN KAJIAN

Soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan pandangan pelajar tentang perpaduan dan amalan perpaduan di bilik darjah. Pelaksanaan kurikulum yang dilaksanakan di sekolah untuk mengenalpasti tahap perpaduan pelajar semasa melakukan aktiviti P & P khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK).

### Soalan Kajian 1

Apakah Persepsi pelajar Tingkatan 4 di sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Lumpur terhadap Perpaduan dan hubungan etnik

Sebanyak 11 item untuk mengukur tahap perpaduan responden telah dikemukakan. Interpretasi skor min dihuraikan seperti Jadual 4.3

Jadual 1: Interpretasi skor min soal selidik bagi meningkatkan perpaduan dan hubungan etnik di kalangan pelajar

Skor Min	Frekuensi	Peratus	Keterangan
1.00 hingga 2.33			Rendah
2.34 hingga 3.66			Sederhana
3.67 hingga 5.00			Tinggi

Sumber: Jamil 2002

Jadual 2 berikut adalah min bagi 3 konstruk dalam kajian ini iaitu persepsi perpaduan (min 4.072), Amalan Perpaduan (3.72) dan Perpaduan Dalam Bilik Darjah (3.937).

### Jadual 2: Min Skor bagi konstruk perpaduan dan hubungan etnik

Apabila diajukan soalan kepada pelajar tersebut (India) kenapa mereka tidak suka duduk dalam kumpulan lain, mereka hanya diam dan tidak menunjukkan minat. Daripada pemerhatian juga, didapati sepanjang perbincangan kumpulan, pelajar tersebut kurang memberi respon kepada hali kumpulan lain. Mereka agak pasif dan tidak berminat dengan aktiviti yang dilakukan. Pengkaji bertanya lagi kenapa tidak aktif dalam aktiviti kumpulan, jawab mereka:-

*Saya tidak pernah duduk dengan rakan lain bangsa.....selama ini saya hanya ada kawan India saja...tak selesa..malu....*

*Saya rasa tak seronok duduk dengan rakan lelaki.....tak biasa....*

Keselesaan dan keserasian pelajar dalam kumpulan kecil yang terdiri daripada pelbagai kaum mula menampakkan hasil dalam Pemerhatian ke-3. Pada kali ini pelajar tidak lagi perlu diarah oleh guru untuk membentuk kumpulan, namun mereka lebih bersedia melakukan aktiviti dengan menunjukkan minat dan keseronokan. Suasana kelas lebih ceria dan amat jelas pelajar tidak lagi rasa kekok dan malu berbincang sesama sendiri walaupun bangsa lain. Tambahan pula pada pemerhatian ke-3 guru mengadakan P&P bukan dalam bilik darjah tetapi ditempat lain iaitu di dewan aras bawah bangunan. Aktiviti yang dilakukan adalah membuat *kolum* iaitu hiasan diluar rumah bagi masyarakat Hindu menyambut Depavalee. Ternyata aktiviti tersebut merupakan suatu aktiviti yang amat menyeronokkan pelajar kerana inilah kali pertama mereka membuat *kolum*. Sepanjang proses P&P pelajar menunjukkan semangat kerjasama yang sangat tinggi dan ceria. Setiap kumpulan asyik dan tekun menyiapkan tugas masing-masing dan kelihatan saling berbincang seolah-olah tidak ada batasan antara kaum dan jantina. Mereka kelihatan amat santai sekali kerana duduk bersila diatas lantai simen tanpa rasa jemu, ada yang meniarap, berlunjur, ketawa dan mereka amat mesra sekali (*Nota Lapangan- 27/4/10*).

Majoriti pelajar dalam kelas ini amat seronok dengan aktiviti membuat *kolum* kerana sangat menarik. Antaranya menyatakan:-

*Inilah aktiviti yang tidak pernah kami buat selama belajar disekolah.....kami bermain dan tekun menyiapkan kolum yang tak pernah kami buat sebelum ini.....tambah pula kelas dibuat diluar bilik darjah....enjoy sangat.....*

*Enjoy....giler.....syok buat kolum.....main dengan beras warna.....gam...ambil gambar....lumba buat yang tercantik .....cikgu bagi hadiah pulak.....tu yang best.....*

*Belajar sivik sambil main....best.....tak stress....tak payah baca buku teks.....tapi kami enjoy....*

*Belajar luar kelas boleh buat bising....cakap-cakap..bincang dengan kumpulan....kalau dalam kelas...susah ,....nanti kelas sebelah rasa terganggu.....*

Namun pada pemerhatian yang terakhir (ke-4) walaupun pelajar tidak lagi kekok berada dalam kumpulan masing-masing tetapi suasana kelas agak kurang menyeronokkan kerana aktiviti yang dilakukan kurang menarik. Tajuk minggu ini adalah tentang norma komuniti, guru hanya membuat aktiviti menggunakan lembaran kerja (worksheet) dan buku teks.

Pada akhir kelas, apabila ditanya adakah mereka berminat dengan kelas PSK, beberapa pelajar menyatakan aktiviti yang dijalankan oleh guru dalam PSK amat baik dan perlu dilaksanakan oleh guru-guru lain dalam apa jua mata pelajaran. Daripada temu bual berkenaan dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran PSK didapati rata-rata pelajar sangat berminat dengan kaedah pembelajaran koperatif . Berikut ialah kutipan pandangan yang berkaitan minat terhadap mata pelajaran PSK kerana aktiviti menarik, pengajaran guru menarik, mengeratkan hubungan perpaduan, mata pelajaran yang mudah dan senang. Didapati juga sebilangan besar responden berminat dengan subjek PSK . Mereka juga lebih berminat pembelajaran secara koperatif, berbanding membaca dan mendengar daripada guru sahaja.

Antaranya pelajar menyatakan:-

*Dengan adanya aktiviti pelajar lebih seronok dan tidak bosan belajar.Saya minat modul P & P PSK yang diajar ini, pengajaran guru sangat menarik .....aktiviti menambahkan minat dan menarik kerana dapat mengenali adat dan budaya kaum lain..*

Pelajar juga menyatakan aspek perpaduan boleh ditingkatkan melalui mata pelajaran PSK kerana apabila setiap kumpulan terdiri daripada pelbagai kaum dapat berinteraksi dengan mereka semasa membuat aktiviti. Antaranya berpendapat:-

*...Sivik banyak aktiviti yang dijalankan dan membuat saya terdedah dengan masyarakat dan Sivik juga menguatkan perpaduan di kalangan remaja. Ini menguatkan konsep 1 Malaysia*

*Contoh aktiviti kolum menarik minat kerana dapat melakukan dengan kaum lain dan Mata pelajaran PSK memupuk perpaduan dan masyarakat berbilang kaum*

*...Sivik mengajar kita untuk menghormati kaum lain*

*...Mengalakkan perpaduan dan lebih 1 Malaysia can cooperate.....*

Walau bagaimanapun ada juga beberapa pelajar yang kurang bersetuju mata pelajaran PSK mampu memupuk perpaduan kerana alasan berikut:-

*Pada pendapat saya PSK kurang berjaya dalam memupuk perpaduan*

*...PSK tidak sepenuhnya memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum kerana pengaruh ibu bapa*

Apabila ditanya tentang aktiviti P&P dalam PSK secara keseluruhannya pelajar berpendapat:-

*...menjalankan aktiviti kolum dengan kaum lain dapat menambahkan pengalaman....*

*Gembira dapat pelbagai kawan ...*

*Bangga dan mempunyai perasaan patriotik...*

*Saya sangat bersyukur kerana tidak pernah berlaku pertelingkahan semasa aktiviti dijalankan...*

## IMPLIKASI DAN PERBINCANGAN

Kesimpulan daripada temu bual dan pemerhatian keatas pelajar setelah mengikuti modul PSK,

didapati pelajar lebih bersemangat semasa berada di dalam kelas berbanding sebelum intervensi P & P dilaksanakan. Selain itu berlaku perubahan tingkah laku pelajar yang lebih aktif dalam berinteraksi dengan pelajar daripada pelbagai kaum. Ini dapat meningkatkan motivasi pelajar-pelajar dalam melibatkan diri dalam setiap aktiviti pembelajaran yang dilakukan dalam membantu mereka mengendalikan tumpuan di dalam bilik darjah serta menumpukan perhatian dan dapat melibatkan diri secara aktif.

Manakala berkenaan dengan pengajaran guru melalui pembelajaran koperatif didapati pelajar bersikap positif melalui kaedah yang telah digunakan dalam P & P. Pengajaran guru lebih banyak aktiviti yang dijalankan, menarik perhatian dan berkesan, pelajar berasa seronok dapat berkongsi budaya dari kaum lain. Secara tidak langsung kaedah yang digunakan oleh guru memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman pelajar yang diajar, malah yang memberi kesan kepada jiwa dan tingkah laku pelajar. Pelajar juga memberi tumpuan yang padu dan dapat memahami serta mengingat pelajaran dengan lebih cepat. Dalam mencapai hasrat ini guru haruslah pandai memilih pendekatan yang sesuai dan teknik yang menarik dan ditambah pula dengan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang canggih dan menarik.

Hasil pemerhatian juga didapati kedua-dua pelajar India agak pendiam dan kurang bergaul dengan rakan-rakan dari bangsa lain walaupun sesama jantina. Ini mungkin disebabkan suasana persekitaran dirumah sejak kecil lagi hanya terdiri daripada satu kaum sahaja, begitu juga semasa sekolah rendah. Pendedahan dan pergaulan dengan bangsa lain adalah terbatas, itulah yang menjadi penghalang bagi membuka minda untuk bergaul dengan pelbagai bangsa. Berlainan pula bagi pelajar Iban (Sarawak) kerana pelajar ini adalah anak seorang tentera yang tinggal di kem dan saling berpindah ke negeri lain serta lebih luas pergaulannya didapati lebih selesa dan mesra dengan semua pelajar tanpa mengira jantina dan kaum. Juga didapati pelajar tersebut lebih terbuka sikapnya. Berdasarkan dapatan kajian ini didapati hubungan kaum sejak mesti dipupuk sejak kecil lagi supaya apabila dewasa mereka lebih terbuka dan bersikap positif antara satu sama lain.